

KONSULTASI AWAM: PINDAAN PERINTAH FI (PERKHIDMATAN DAN PENERBITAN JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA) 2010

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) mempelawa semua pihak berkepentingan untuk memberikan maklum balas berhubung cadangan pindaan kepada Perintah Fi (Perkhidmatan dan Penerbitan Jabatan Meteorologi Malaysia) 2010 yang diperuntukkan di bawah Akta Fi 1951.

Tempoh konsultasi awam ini berlangsung selama sebulan, bermula 23 Disember 2024 sehingga 23 Januari 2025. Langkah ini diambil bagi memastikan sebarang perubahan yang dicadangkan mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk agensi kerajaan, industri, organisasi bukan kerajaan (NGO), akademik, dan masyarakat umum.

Matlamat konsultasi ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan serta maklumbalas daripada pihak berkepentingan berhubung Cadangan Pindaan Perintah Fi (Perkhidmatan dan Penerbitan Jabatan Meteorologi Malaysia) 2010, bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan

Pihak yang berminat untuk mengambil bahagian boleh mengemukakan maklum balas melalui portal rasmi *Unified Public Consultation* (UPC) dengan mengimbas Kod QR yang disediakan atau melalui pautan berikut [https://upc.mpc.gov.my/csp/sys/bi/work/upc/shareThumbnail/METMALAYSIA907.csp?\\${NAMESPACE}=UPC&redirPage=regulation&redRegId=907&redId=2®Id=907](https://upc.mpc.gov.my/csp/sys/bi/work/upc/shareThumbnail/METMALAYSIA907.csp?${NAMESPACE}=UPC&redirPage=regulation&redRegId=907&redId=2®Id=907).

MET Malaysia amat menghargai kerjasama dan penyertaan anda dalam usaha ini untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan meteorologi negara.

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Meteorologi Malaysia
Tarikh: 23 Disember 2024

